



DEWAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

**MESYUARAT KETIGA (BAJET) PENGGAL KEDUA
DEWAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN KELIMA BELAS
PADA 15 NOVEMBER 2024,
18 NOVEMBER 2024 – 22 NOVEMBER 2024
DAN 25 NOVEMBER 2024 – 28 NOVEMBER 2024**

ATURAN URUSAN MESYUARAT

**Hari Isnin, 25 November 2024
Jam 10.00 Pagi**

1. Doa

2. Pertanyaan-pertanyaan

3. Rang Undang-undang

Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2025

Rang Undang-Undang Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan) 2024

Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan 2024

Rang Undang-undang Enakmen Tabung Kumpulan Wang Biasiswa
Negeri Selangor (Pindaan) 2024

4. Usul-usul:-

- i) **Usul No. 14 Tahun 2024**, Usul Bajet Peruntukan Pembangunan 2025

“Bahawa menurut seksyen 9, subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan sebanyak **Satu Bilion, Tiga Ratus Juta Ringgit (RM1,300,000,000.00)** yang dinyatakan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut seksyen 4(1) Akta yang sama, sepertimana terdapat di Jadual, hendaklah diluluskan.”

**JADUAL
ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN 2025**

| Maksud | Tajuk | Amaun (RM) |
|---------------|--|-------------------------|
| P.01 | Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri | 1,064,339,120.00 |
| P.04 | Perbendaharaan Negeri Selangor | 500,000.00 |
| P.08 | Jabatan Pertanian Negeri Selangor | 9,050,000.00 |
| P.10 | Jabatan Perhutanan Negeri Selangor | 4,060,000.00 |
| P.12 | Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor | 95,980,880.00 |
| P.13 | Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor | 62,300,000.00 |
| P.14 | Jabatan Agama Islam Selangor | 57,600,000.00 |
| P.16 | Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor | 2,450,000.00 |
| P.17 | Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor | 3,720,000.00 |
| | Jumlah | 1,300,000,000.00 |

- ii) **Usul No. 15 Tahun 2024**, Usul Peruntukan Tambahan 2024 Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan

“Bahawa menurut seksyen 9, subseksyen 4(2)(b) dan subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan tambahan sebanyak empat puluh juta ringgit (RM40,000,000.00) yang dinyatakan dalam Bajet Tambahan peruntukan Pembangunan (No.1) 2024, yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut seksyen 4(1) Akta yang sama, sepertimana terdapat di Jadual, hendaklah diluluskan.”

JADUAL
PERUNTUKAN TAMBAHAN 2024
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

| Maksud | Tajuk | Amaun (RM) |
|---------------|---|----------------------|
| P.01 | Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri | 40,000,000.00 |
| | Jumlah | 40,000,000.00 |
| iii) | Usul No. 16 Tahun 2024 , Usul Dasar Ekonomi Penjagaan Negeri Selangor dan Pelan Tindakan 2024-2030. | |
| iv) | Usul No. 17 Tahun 2024 , Usul Cadangan Pindaan Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. “Bahawasanya menurut perenggan (4) Peraturan Tetap 69 bagi Dewan Negeri Selangor membuat ketetapan meminda Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor seperti draf cadangan di Kertas Mesyuarat Bilangan 25 Tahun 2024”. | |
| v) | Usul No. 18 Tahun 2024 , Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Pelabuhan Klang “Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Air, Pertanian, Infrastruktur Dan Mobiliti (JPK – INFRAGRO) Berhubung Isu Peruntukan Penyelenggaraan Jalan yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 26 Tahun 2024”. | |

- vi) **Usul No. 19 Tahun 2024**, Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Meru

“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Perubahan Iklim, Kebajikan, Kesihatan, Pendidikan, Pembangunan Keluarga, Agama Dan Wanita Serta Kesejahteraan Hidup (JPK–SEJAHTERA) Berhubung Program Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS) 2024 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 28 Tahun 2024”.

- vii) **Usul No. 20 Tahun 2024**, Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Dusun Tua

“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pejabat Daerah Dan Tanah (JP-PADAT) Bagi Dewan Negeri Selangor Mengenai Isu Tanah Orang Asli Hulu Semenyih Di Kampung Kachau Dalam Yang Diberi Milik Kepada Pertubuhan Peladang Kawasan Hulu Langat Selatan (PPKHLS) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 29 Tahun 2024”.

- viii) **Usul No. 21 Tahun 2024**, Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Seri Serdang

“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Hala Tuju Syarikat Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 27 Tahun 2024”.

5. Penangguhan